



كردان بجان بكنه قبح بزار الالامان

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04 - 702 7795
Faks : 04 - 702 7720
(Bhg. Kewangan)
: 04 - 702 7722
(Bhg. Perbendaharaan)
Laman Web : ppnk.kedah.gov.my
E-mel : pkpkn@kedah.gov.my

كردان بجان بكنه قبح بزار الالامان
KEDAH SEJAHTERA
NIKMAT UNTUK SEMUA

Ruj. Kami : PPNK.BN100 - 1/9/4(50)
Tarikh : 20 Syaaban 1443H
23 Mac 2022

SEMUA PEGAWAI PENGAWAL / KETUA JABATAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

YB Dato' Paduka / YB Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan,

**SURAT ARAHAN OPERASI BILANGAN 1 TAHUN 2022
PENYELARASAN PERIHAL BAYARAN BIL HOSPITAL**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

- Adalah dimaklumkan Perbendaharaan Negeri Kedah telah menerima maklum balas daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Kedah berkaitan pembayaran bil hospital oleh jabatan/PTJ negeri yang tidak dapat dikenal pasti disebabkan perihal bayaran yang tidak lengkap.
- Untuk makluman pihak tuan, berikutan bayaran yang tidak dapat dikenal pasti pihak JANM Negeri Kedah tidak dapat mengemaskini bayaran yang diterima dan menyukarkan proses pengeluaran resit kepada jabatan/PTJ yang membuat bayaran.
- Sehubungan dengan itu, bagi melancarkan proses mengemaskini bayaran oleh JANM Negeri Kedah dipohon kerjasama pihak YB Dato' Paduka / YB Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan untuk memasukkan maklumat **Kod PTJ** dan **Nombor Bil Hospital** pada **20 aksara pertama perihal bayaran** semasa penyediaan baucar bayaran. Kod PTJ dan contoh perihal bayaran adalah seperti berikut;

NAMA PENERIMA	KOD PTJ	PERIHAL BAUCER BAYARAN (KOD PTJ/ NO. BIL HOSPITAL)
PENGARAH HOSPITAL SULTANAH BAHİYAH	42030101	42030101/ASBLIPxxxxxx(NO. BIL)
PENGARAH HOSPITAL SULTAN ABDUL HALİM	42030401	42030401/SPBLIP/SPBLOPxxxxxx(NO. BIL)
PENGARAH HOSPITAL KULİM	42030501	42030501/BBxxxxxx(NO. BIL)
PENGARAH HOSPITAL BALİNG	42030601	42030601/Pxxxxxx(NO.BILL)

(2)

Ruj. Kami : PPNK.BN100 - 1/ 9 /4(50)

NAMA PENERIMA	KOD PTJ	PERIHAL BAUCER BAYARAN (KOD PTJ/ NO. BIL HOSPITAL)
PENGARAH HOSPITAL SULTANAH MALIHA LANGKAWI	42030701	42030701/CASxxxxxx(NO. BIL)
PENGARAH HOSPITAL SIK	42030801	42030801/CASxxxxxx(NO.BIL)
PENGARAH HOSPITAL YAN	42031901	42031901/CASxxxxxx(NO. BIL)
PENGARAH HOSPITAL JITRA	42030161	42030161/Pxxxxxx(NO.BIL)
PENGARAH HOSPITAL KUALA NERANG	42030162	42030162/CASxxxxxx(NO.BIL)

5. Pihak YB Dato' Paduka / YB Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan juga dipohon untuk mengemukakan maklumat pembayaran melalui email kepada pihak JANM Negeri Kedah dana.kdh@anm.gov.my setelah pindahan **Electronic Fund Transfer (EFT)** dilaksanakan oleh Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah.

6. Kerjasama dan perhatian YB Dato' Paduka / YB Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan, amatlah dihargai.

Sekian terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA"

Saya yang menjalankan amanah,



(ABDUL MAJID BIN SALLEH, (C.A.M))

Bendahari Negeri

b.p. Pegawai Kewangan Negeri

Kedah Darul Aman

Tel : 047027770/7771/7772

Email : pkpk_emolumen@kedah.gov.my

s.k. YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri
Kedah Darul Aman